



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	Pencapaian Kementerian Sumber Manusia berimbas positif kepada negara
Akhbar	Sinar Harian
Tarikh	24 April 2019
Ruang	Menjelang setahun kerajaan PH
Muka Surat	10

Pencapaian Kementerian Sumber Manusia berimbas positif kepada negara

PUTRAJAYA - Kementerian Sumber Manusia mengakui berhadapan dengan cabaran besar sepanjang hampir setahun perintahannya Pakatan Harapan (PH).

Menterinya, M Kulai Segaran berkata, walaupun terpaksa memenuhi cabaran masih terdapat kejayaan yang memberi impak kepada negara khususnya kementeriannya dalam aspek amalan integriti bebas rasuah dan penguatkuasaan undang-undang.

Menurutnya, selepas dilantik menjadi menteri, dua peranan itu adalah janji yang sentiasa diterapkan malah masih berjalan sehingga hari ini.

"Saya anggap itu antara jANJI dan pencapaian terbesar saya sebagai menteri selain menyelesaikan isu-isu rakyat."

"Kami dalam usaha membuat dua pelan baharu di mana-



Kula Segaran bercakap kepada pemberita pada sidang media di Putrajaya, semalam.

menetapkan lebih ramai pegawai biasa dalam penguatkuasaan," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Selain itu, Kulai Segaran berkata, pihaknya turut mengkaji mekanisme baru yang membolehkan setiap syarikat meny-

diakan laporan audit pematuhan sosial.

Jelasnya, mekanisme itu memberi petuang majikan menyediakan laporan seperti maklumat pembayaran gaji pekerja, tempoh cuti yang diberikan kepada pekerja dan sebagainya

Pencapaian Kementerian Sumber Manusia

- Mesyilahan sebuah portal bagi memudahkan pekerja dengan tawaran pekerjaan,
- Melakukan kajian untuk menarik golongan 60 tahun ke bawah kembali bekerja.
- Memastikan rakyat Malaysia diberi keleluaan mendapat pekerjaan

kepadanya untuk tindakan selanjutnya.

"Selain itu kami turut menyediakan portal bersama sebuah kolej untuk memadankan tawaran pekerjaan supaya mereka mendapat pekerjaan.

"Kementerian komited melakukan kajian bagaimana untuk membawa kembali golongan berumur 60 tahun ke atas bekerja selain memastikan

rakyat Malaysia diberi keleluaan mendapat pekerjaan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak namun mengutamakan rakyat Malaysia untuk mendapat pekerjaan pertama.

Jelasnya lagi, usaha itu sebagai menjamin kualiti hidup dan meningkatkan produktiviti negara sepanjang masa.

Ditanya sama ada kepimpinan PH hari ini bakal menjadikan kerajaan sepenggal atau tidak, secara bersahaja beliau menegaskan biarlah apa sahaja tohmahan mereka (pembangkang).

"Kepimpinan PH melaksanakan tugas dan amanah rakyat."

"Manakah kerajaan yang terburuk berbanding dahulu," katanya.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	Tunggakan gaji sebelum Aidilfitri
Akhbar	Sinar Harian
Tarikh	24 April 2019
Ruang	Nasional
Muka Surat	12

Tunggakan gaji sebelum Aidilfitri

Melibatkan seramai 123 bekas staf syarikat Rayani Air yang menunggu selama tiga tahun

SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR

KUALA LUMPUR

Selepas tiga tahun menunggu, seramai 123 bekas kakitangan syarikat penerbangan Rayani Air termasuk enam juruterbang dijangka menerima bayaran tunggakan gaji mereka sebelum Aidilfitri ini.

Pemilik Rayani Air, Ravi Alagendran berkata, mereka yang terjejas telah berdepan masalah itu sejak syarikat berkenaan menghentikan operasi pada 2016.

Ravi Alagendran
12 hrs · 
Bayaran Gaji Tertunggak Kakitangan Rayani Air
rayanigaji@gmail.com
Salam sejahtera.
Gaya sebagai pemilik Rayani Air ingin memohon maaf kepada semua bekas kakitangan Rayani Air atas kekhilafan yang telah berlaku. Ramadhan baki tiba. Di kesempatan ini, saya meminta semua bekas kakitangan Rayani Air, (Captain, Crew, Ground Handler, dan Supporting Staff) yang "belum" mengemukakan maklumat seperti di bawah untuk berbuat demikian bagi membolehkan syarikat membuat bayaran gaji tertunggak sebelum menjelang Hari Raya Aidilfitri 2019. Maklumat yang dikehendaki ialah seperti berikut:

1. Nama Penuh
2. No. Pekerja
3. No. Kad Pengenalan
4. No. Akaun Bank

Maklumat di atas boleh di emalikan terus ke alamat emali seperti yang tertera di bawah

Ravi turut memuat naik notis pembayaran tunggakan gaji kakitangan Rayani Air di Facebooknya.

"Jumlah bayaran melibatkan peruntukan sebanyak RM1 juta. Kami akan cuba menyelesaikan bayaran secepat mungkin yang dijangka dibayar sebelum Aidilfitri pada Jun ini," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Kelmanir, Ravi memuat naik satu notis di Facebooknya yang memaklumkan mengenai bayaran pada Jun ini," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Kelmanir, Ravi memuat naik satu notis di Facebooknya yang memaklumkan mengenai bayaran pada Jun ini," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

 **Jumlah bayaran melibatkan peruntukan sebanyak RM1 juta. Kami akan cuba menyelesaikan bayaran secepat mungkin yang dijangka dibayar sebelum Aidilfitri pada Jun ini." - Ravi**

an gaji tertunggak kepada bekas kakitangan Rayani Air.

Notis itu meminta bekas kakitangan terlibat mengemukakan maklumat peribadi bagi membolehkan bayaran gaji tertunggak dibuat sebelum Aidilfitri.

Rayani Air memulakan operasi pada Disember 2015 tetapi mengumumkan penggantungan operasi pada April 2016 selepas tindakan mogok sekumpulan juruterbangnya.

Dua bulan selepas itu, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Mavcom) dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) membatakan Lesen Perkhidmatan Uda-

ra (ASL) serta Sijil Operator Udara (AOC) Rayani Air.

Langkah itu diambil berikutan Rayani Air telah melanggar syarat-syarat lesen berkemas dan tidak mempunyai keupayaan kewangan serta pengurusan untuk terus beroperasi sebagai sebuah syarikat penerbangan komersial.

Sementara itu, Ravi berkata, bayaran balik tambang kepada pelanggan akan diumumkan melalui Facebook Rayani Air mulai pertengahan Jun.

Beliau berkata, Rayani Air juga sedang merangka hala tujuinya akan datang dalam industri penerbangan.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	ADUN Jeram, Perkeso jalin kerjasama
Akhbar	Sinar Harian
Tarikh	24 April 2019
Ruang	Kuala Selangor, Tanjung Karang
Muka Surat	23

ADUN Jeram, Perkeso jalin kerjasama

JERAM – Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Jeram bersedia untuk menjalankan kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi menyalurkan maklumat bermanfaat kepada penduduk setempat.

ADUNnya, Mohd Shaid Rosli berkata, pihaknya tidak terkecuali menerima perkhabaran mengenai musibah kemalangan dan kematian hampir setiap hari membabitkan penduduk setempat.

"Kita terima hampir setiap hari kes kematian dan kemalangan malah dengan kerjasama ini, kita dapat memanjangkan untuk semakan samada waris ini mempunyai kelayakan untuk permohonan.

"Setiap kali ziarah, kami boleh panjangkan melalui semakan maklumat mykad samada mangsa mempunyai caruman yang layak untuk dibantu memandangkan kebanyakannya waris keluarga tidak tahu menahu mengenai perkara ini.

"Jadi, sangat rugi jika tidak dituntut khairat kematian atau pencen penakat lebih-lebih lagi mangsa mempunyai anak dan iste-



Mohd Shaid (dua dari kiri) menyampaikan faedah pengurusan kematian kepada waris penerima.

ri yang perlu ditanggung," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Shaid turut menekankan peranan pengurus Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) DUN Jeram supaya sentiasa mengambil tahu penduduk yang ditimpas musibah.

"Jika dapat maklumat mengenai kematian atau kes kemalangan, saya minta pengurus MPKK panjangkan kepada PKM atau terus ke Skuad Prihatin Perkeso untuk semakan.

"Inisiatif Perkeso mengwujudkan skuad prihatin ini cukup bagus kerana mereka sentiasa mendapatkan maklumat yang dikongsikan dalam media

sosial dan mengesan waris seluruh negara," katanya.

Mengulas lanjut mengenai musibah yang menimpa penduduk di Jalan Ibrahim, Simpang 3 Jeram itu katanya, pihaknya bersyukur Skuad Prihatin Perkeso bertindak pantas menyelesaikan prosedur berkaitan.

"Saya difahamkan skuad prihatin ini membantu mengesan waris mangsa sehingga datang ke rumah untuk mendapatkan dokument lengkap tanpa menyusahkan keluarga.

"Mereka selesaikan prosedur untuk saluran sumbangan khairat kematian tak sampai tempoh dua minggu sahaja," katanya.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	Tujuh undang-undang dianggap jumud dipinda
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	24 April 2019
Ruang	Isu
Muka Surat	9

Tujuh undang-undang dianggap jumud dipinda

Hasilkan persekitaran pekerjaan baik, jaga kebajikan pembantu rumah


Oleh Luqman Arif
Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Putrajaya

Sebanyak tujuh undang-undang yang dianggap jumud akan dipinda bagi menghasilkan persekitaran pekerjaan yang baik di negara ini, termasuk menjaga kebajikan pembantu rumah di negara ini.

Pindaan berkenaan yang diajukan dibentangkan pada sesi Dewan Rakyat Julai ini membabitkan Akta Kerja 1955; Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76); Ordinan Buruh (Sabah Bab 67); Akta Perhubungan Perusahaan 1967; Akta Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan 1994; Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Standard - Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Pindaan yang signifikan, Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran, berkata membabitkan Akta Kerja 1955 kerana akan memberi perlindungan le-



Kulasegaran pada sidang media sempena setahun pentadbiran Pakatan Harapan di Putrajaya, semalam.

bih baik terhadap pembantu rumah.

Tangani dera, penindasan

Katanya, pindaan berkaitan kebajikan pembantu rumah itu langkah kawal selia sementara bagi menangani peningkatan kes penderaan dan penindasan pembantu rumah di Malaysia.

Pada jangka panjang, katanya, kementerian berhasrat menggubal akta baharu bagi memberi perlindungan menyeluruh terhadap pembantu rumah.

"Ia masih pada peringkat ca-

dangan, justeru kita perlu mengadakan perbincangan dengan ramai pemegang taruh dan pihak berkaitan bagi memperhalus penggubalan akta baharu ini," katanya pada sidang media sempena setahun pentadbiran Pakatan Harapan di sini, semalam.

Beliau berkata, kebajikan pembantu rumah adalah komitmen kerajaan bagi memastikan sektor itu lebih baik.

Dalam jangka masa panjang, katanya, kementerian berhasrat menggubal dua akta baharu,

iaitu membabitkan perihal pembantu rumah dan usaha memperluaskan perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada kira-kira 1.4 juta suri rumah di negara ini.

"Kedua-dua akta baharu ini masih pada peringkat awal cadangan, justeru perincian lanjut berhubungnya akan diumumkan secara berperingkat selepas kita mengadakan perbincangan dengan pihak berkaitan," katanya.

Mekanisme penyeliaan aspek sosial

Dalam perkembangan lain, Kulasegaran berkata, kementerian bercadang mewujudkan mekanisme penyeliaan aspek sosial yang dikendalikan sendiri oleh syarikat, tanpa membabitkan pemantauan berkala oleh pegawai penguat kuasa.

Katanya, langkah itu berupaya menangani kekangan kementerian yang ketika ini berdepan kekurangan jumlah pegawai penguat kuasa untuk melakukan pemantauan aspek sosial.

"Syarikat dikehendaki melantik badan bebas untuk melakukan pemantauan dan menerbitkan laporan audit pematuhan sosial, sebelum salinannya diserahkan kepada kementerian.

"Jika laporan itu tidak memuaskan, lesen mereka tidak akan diperbaharui.

"Bagaimanapun, mekanisme ini secara sukarela kerana mereka masih boleh bergantung kepada penguat kuasa bagi menjalankan tugas itu," katanya.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	Kilang bateri diarah tutup serta-merta
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	24 April 2019
Ruang	Sentral
Muka Surat	64

PENCEMARAN ASID, PLUMBUM

Kilang bateri diarah tutup serta-merta

• Syarikat turut dikenakan enam kompaun berjumlah RM12,000

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

► Shah Alam

Sebuah kilang bateri di Jenjarom, Kuala Langat di sini diarah tutup serta-merta oleh kerajaan negeri sehingga siasatan terhadap pencemaran asid dan plumbum yang didakwa berpunca daripada kilang itu selepas.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Tek-

nologi dan Inovasi negeri, Hee Loy Sian, berkata kilang bateri itu turut dikenakan enam kompaun berjumlah RM12,000.

"Kilang itu juga berkemungkinan dipindahkan ke kawasan perindustrian lain sekiranya hasil siasatan mendapati pencemaran itu berpunca dari kilang berkenaan.

"Beberapa agensi seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kesihatan serta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dipertanggungjawabkan melakukan kajian ini.

Buat ujian darah

"Ia meliputi dari segi ujian darah termasuk pekerja kilang dan penduduk sekitar kilang itu bagi menentukan punca pencemaran asid dan plumbum," katanya dalam kejayaan semalam.

Loy Sian berkata, kilang itu mula

beroperasi pada 2014 dalam aktiviti pengisian asid sebelum bangunan itu musnah dalam kebakaran pada Disember 2017 serta dibenarkan beroperasi semula pada September tahun lalu.

"Sebagai sebuah kerajaan yang adil kepada semua, kami tidak hanya bertindak berpadu kepada sesuatu pihak atau sumber.

"Saya juga meminta Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berhenti memainkan isu kilang ini bagi meraih sokongan politik masyarakat serta untuk kepentingan diri sendiri.

"Beliau tidak seharusnya hanya mengambil pandangan dan kajian daripada pihak persatuan penduduk (di kawasan itu) dan bekas pengarah Unit Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan dan Alam Sekitar Universiti Teknologi Malaysia, Prof Maktab Mohamed tanpa merujuk hasil kajian agensi terbitah sebelum membuat tuduhan melalui laman sosial," katanya.



Loy Sian (tengah) meninjau keadaan parit di kawasan kilang bateri yang didakwa menyebabkan pencemaran di Jenjarom, Kuala Langat, baru-baru ini.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	Pinda akta hukum kontraktor cuai
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	24 April 2019
Ruang	Setempat
Muka Surat	36

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia akan meminda Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (AKKP) 1994 supaya hukuman lebih berat dikenakan ke atas kontraktor mengabaikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja hingga membawa kepada kernalangan maut di tapak binaan.

Timbalan menterinya Datuk Mahfuz Omar berkata, akta baru ini akan dibentangkan di Parlimen selepas lewatnya Julai ini.

Beliau berkata, kerajaan memandang serius kes kemalangan maut membabitkan pekerja di tapak binaan.

"Syarikat pemaju dan kontraktor jangan hanya mem-

Pinda akta hukum kontraktor cuai

kirkan keuntungan semata-mata hingga mengabaikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak binaan.

"Akta sedia ada memperuntukkan hukuman dan maksimum RM50,000 kepada mereka dinaikkan lebih tinggi selepas akta baru dikuat kuasa.

"Kementerian melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sentiasa menekankan kepada penggiat industri untuk mengamalkan budaya pengurusan keselamatan yang baik kerana ia

penting untuk pencegahan kemalangan sektor pembinaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Tahunan Keselamatan dan Kesihatan Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM), di sini, semalam.

Turut hadir, Presiden MBAM Foo Chek Lee.

Mahfuz berkata, JKKP yang menjalankan operasi tapak pembinaan di seluruh negara selama sebulan bermula 25 Februari lalu memberi fokus kepada aktiviti yang berisiko tinggi seperti kerja tempat tinggi, kerja konkrit dan pematuhan kehendak perundangan.



MAHFUZ



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	Kilang bateri di Jenjarom diarah tutup serta-merta
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	24 April 2019
Ruang	Setempat
Muka Surat	32

Kilang bateri di Jenjarom diarah tutup serta-merta

Shah Alam: Kerajaan Selangor mengarahkan sebuah kilang bateri di Jenjarom, Kuala Langat, ditutup serta-merta bagi membantu siasatan berkaitan pencemaran asid dan plumbum.

Selain itu, operasi kilang berkenaan akan dipindahkan ke kawasan perindustrian lain sekiranya hasil siasatan mendapati pencemaran berpuncak daripada premis terbabit.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi negeri Hee Loy Sian berkata, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor diarahkan melakukan kajian berhubung pencemaran itu.

Beliau berkata, agensi lain yang mengarahkan operasi kilang turut terbabit adalah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS),

Jabatan Kesihatan dan Jaban Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

"Kajian turut membatikan sampel darah pekerja kilang dan penduduk setempat bagi menentukan punca pencemaran asid serta plumbum.

"Justeru, kerajaan negeri musnah dalam kebakaran dan dibenarkan kembali beroperasi, September tahun lalu.

"Kilang itu pernah dike-

ngenninya," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Hee berkata, pemeriksaan awal mendapati kilang itu mula beroperasi pada 2014 dan melakukau aktiviti pengurusan buangan terjadual di bawah akta sama," katanya.

Menurutnya, bangunan itu musnah dalam kebakaran dan dibenarkan kembali beroperasi, September tahun lalu.

"Kilang itu pernah dike-

nakan tindakan atas empat kesalahan mengikut Akta Kualiti Alam Sekelling 1974 selain enam kompaun kerana gagal mematuhi peraturan mengurusan buangan terjadual di bawah akta sama," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta Presiden MCA Datuk Seri Dr Wee Ka Siong menghentikan isu kilang berkenaan bagi merahasiakan perkara politik murahan.





KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	'Seven Labour Laws To Be Amended'
Akhbar	New Straits Times
Tarikh	24 April 2019
Ruang	Nation / NEWS
Muka Surat	15

TO BE TABLED IN JULY

'SEVEN LABOUR LAWS TO BE AMENDED'

It is to further safeguard rights of workers, says minister

VEENA BABUL
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE Human Resources Ministry is seeking to tighten and make changes to existing labour regulations and laws.

The laws include the 64-year-old Employment Act, which was legislated in 1955; the 60-year-old Trade Unions Act which was legislated in 1959; and the 62-year-old Industrialisation Act, which was legislated in 1957.

Other laws which will see changes are the Minimum Stan-



Human Resources Minister M. Kulasegaran at a press conference in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

dards of Housing and Amenities Act 1990, and the Occupational Safety and Health Act 1994.

Human Resources Minister M. Kulasegaran said the move to amend the labour laws was to

safeguard the rights of workers.

He said the proposed amendments and changes would involve seven labour-related legislations which would be tabled at the Dewan Rakyat's sitting in July.

"The proposed legislative amendments would include a clause on workplace discrimination," said Kulasegaran in a press conference here yesterday.

He said it would take some time for the laws to be amended as it involved detailed discussions with the relevant stakeholders.

Kulasegaran said the ministry was looking at legislating a standalone law to strengthen the protection of domestic workers.

He, however, said work on this standalone law was in the early stages.

Kulasegaran said other major proposed changes in the labour laws would be the provision to provide Social Security Organisa-

sation benefits to 1.4 million housewives nationwide.

He said there were also plans to beef up the ministry's enforcement unit by roping in officers from other sections of the ministry.

Kulasegaran said the ministry was looking at reducing the number of raids conducted on foreign workers' recruitment companies, adding that this would be done by allowing special compliance audits to be conducted voluntarily.

"This, however, was at the proposal stage but the audits should be conducted by an independent agency or an individual company, on all matters related to its human resources, such as the allocation of leave, wages and so on.

"When they have done the audits, they would have to send the reports to us as well as the company simultaneously," said Kulasegaran.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	'We will protect them all'
Akhbar	The Star
Tarikh	24 April 2019
Ruang	Nation
Muka Surat	14

'We will protect them all'

Kula: Amendments will include protection for domestic workers

By HEMANANTHANI SIVANANDAM
hemananthani@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The proposed amendments to the Employment Act 1955 will include regulations to protect domestic workers, said Human Resources Minister M. Kulasegaran.

The minister said there would also be a stand-alone law in the near future to protect domestic workers.

"We are going to put in the regulations immediately (in the proposed amendments to the Employment Act) as an interim measure until a new Act by itself to govern this area is done," said Kulasegaran in a special group interview for the upcoming Pakatan Harapan anniversary celebrations yesterday.

Kulasegaran said the proposed amendments to the Employment Act would also include the issue of discrimination in the workplace.

He hoped that the amendments, as well as six other laws, will be tabled in the upcoming Dewan Rakyat meeting in July.

Among them include the Minimum

We are going to put in the regulations immediately as an interim measure until a new Act by itself to govern this area is done

M. Kulasegaran

Standards of Housing and Amenities Act 1990, the Occupational Safety and Health Act 1994, the Industrialisation Act 1967 and the Trade Union Act 1959.

Kulasegaran admitted that the proposed amendments to the seven laws had taken some time to be tabled in Parliament as it required discussion with the stakeholders.

He also said two more proposed laws would be tabled in the near future; one of it is

the Social Security Organisation (Socso) benefits for 1.4 million housewives.

He added that there were also plans to address the shortage of enforcement officers in the ministry, by assigning more ordinary staff to be enforcement officers.

Another thing would be to introduce a new mechanism to get employers to prepare a social compliance audit report on a voluntary basis.

"Companies (should they want to volunteer) would need to appoint an independent body to monitor and produce this social compliance audit report which encompasses all requirements by the ministry, namely wages, Socso, Employees Provident Fund (EPF) paid within the stipulated time and hospitalisation benefits."

"When they are done, they will send the report to us as well as to the company at the same time," he added.

Kulasegaran said if the report did not meet the standards, then the ministry can take action against them.

He, however, said that the proposal was at a preliminary stage and more consultation was needed with the stakeholders.

Fire-risk tahfiz centres to be upgraded

KUALA LUMPUR: A total of 495 registered tahfiz centres categorised as fire risks will be upgraded using the RM50mil allocation announced in the 2019 Budget, says Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Dr Mujahid Yusof.

He said the process of upgrading these tahfiz centres would commence in July or August after negotiations with various parties, including the state Islamic councils and local authorities (PBIs), were completed.

"The allocation is to resolve issues pertaining to safety, infrastructure, cleanliness and to improve the risk management systems. We can see the result by the end of this year," he told reporters after the Maqasid Shariah town hall session at the Federal Territory Mosque yesterday.

On Monday, Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin said a total of 495 of the 1,267 registered tahfiz centres across the country were categorised as fire risks.

The centres have been given three months to make the upgrades. — Bernama